

Jenis Akhbar : *Harian Metro*

Tarikh : *20/04/2026*

Edisi / Muka Surat : *Nasional / 26*

Tajuk : *KUSKOP giat usaha pulihkan koperasi tak aktif seluruh negara*

## **KUSKOP giat usaha pulihkan koperasi tak aktif seluruh negara**

**Kota Kinabalu:** Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) giat memperkukuh usaha memulihkan koperasi tidak aktif di seluruh negara melalui pendekatan intervensi segera dan cadangan konsolidasi.

Timbalan Menteri Datuk Mohamad Alamin berkata, langkah itu penting bagi memastikan koperasi berkenaan terus berdaya saing dan tidak ditutup.

Katanya setakat 2025, lebih 30 peratus daripada keseluruhan 16,468 koperasi pada peringkat nasional dikenal pasti tidak aktif.

"Kebimbangan saya pada hari ini ialah koperasi yang tidak aktif dan bagaimana cara untuk diaktifkan semula.

"Saya meminta terutamanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk turun ke bawah dan buat intervensi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Bicara Koperasi dan Jom Coop yang dianjurkan Institut Koperasi Malaysia, di sini.

Beliau berkata, antara pendekatan sedang dipertimbangkan ialah menggabungkan koperasi lemah supaya dapat beroperasi secara lebih kukuh melalui perkongsian sumber dan kapasiti bagi meningkatkan skala perniagaan merangkumi produk, modal syer serta keupayaan menanggung liabiliti secara bersama.

Katanya antara punca utama koperasi tidak aktif ialah kelemahan pengurusan serta kebergantungan pada bantuan kerajaan semata-mata selain kepentingan melantik Ahli Lembaga Koperasi profesional bagi memastikan tadbir urus lebih cekap dan berdaya maju.

Mengenai prestasi sektor koperasi, Mohamad berkata terdapat 16,468 koperasi direkodkan pada peringkat nasional dengan keanggotaan mencecah 7.3 juta orang sehingga 31 Disember 2025.

- BERNAMA